

Lambakan cetus persaingan tidak adil

Kuala Lumpur: Kerajaan diharap mengkaji semula keperluan memberi permit import (AP) gula bagi mengelakkannya terus menjadi cara mudah mengaut untung atas angin sedangkan pembekal, pemborong dan pengedar tempatan bergelut dalam perniagaan.

Pengurus Pemasaran Kanan Syarikat Kamaju Sdn Bhd, Tommy Neoh, berkata lambakan gula dari Thailand kini sudah pun menyebabkan pembekal, pemborong dan pengedar tempatan terpaksa bersaing dan hanya mendapat untung kecil.

"Lambakan gula Thailand sudah pun memberikan ancaman besar kepada penguasaan pasaran domestik menyebabkan rantaian industri itu dalam negara terpaksa bersaing menjual gula tempatan

pada margin kecil walaupun menanggung kos tinggi.

"Sebaliknya, penerima AP gula meraih untung mudah jutaan ringgit daripada komisen AP jika kita kira secara kasar harga pasaran semasa gula sebelum ini dan komisen 30 sen setiap kilogram," katanya kepada BH.

Kaji keperluan AP gula

Sehubungan itu, beliau berharap kerajaan mengkaji semula keperluan AP gula pada masa depan daripada terus meluluskannya kerana keistimewaan yang diberikan itu terlah mudah untuk dimanipulasi bagi pelbagai tujuan.

"Ini (manipulasi AP) adalah 'wang segera', boleh raih untung jutaan ringgit hanya dengan sekeping kertas (permit)," katanya.

Katanya, lambakan gula Thailand juga susulan keputusan pentadbiran terdahulu membuka AP gula ketika pasaran barang keperluan itu sudah pun mempunyai lebih bekalan yang tinggi.

BH dimaklumkan, beberapa jenama gula dari Thailand dikesan memasuki pasaran Malaysia sehingga mencetuskan persaingan tidak adil kepada pemborong dan pengedar dalam rantaian industri gula di negara ini.

Berdasarkan makluman pemborong dan pembekal, gula murah jenama Thailand bukan hanya merampas pelanggan dari kalangan pengusaha perusahaan kecil dan sederhana (PKS) tetapi juga didakwa dipek semula dan dijual di pasaran runcit tempatan.

"Jika dibiarkan, kami khawatir le-

bih 360 pemborong dan pengedar dalam rantaian industri gula tempatan berdepan risiko kerugian dan 'gulung tikar' apabila semakin hilang pelanggan khusus PKS," katanya.

"Antara pelanggan yang menghentikan tempahan gula tempatan dan beralih kepada gula Thailand adalah industri pembuatan kopi segera, ais krim, pengilang makanan dalam tin dan perusahaan biskut serta kuih raya.

Neoh berkata, beliau juga banyak menerima aduan daripada pelanggan PKS yang mendakwa gula dihasilkan di negara jiran tidak terjamin kualitinya seperti 'kurang manis', stok terhad, perlu menunggu lama untuk bekalan selain sukar berhubung dengan pengeluaran.



Ini (manipulasi AP) adalah 'wang segera', boleh raih untung jutaan ringgit hanya dengan sekeping kertas (permit)"

Tommy Neoh,
Pengurus Pemasaran Kanan
Syarikat Kamaju Sdn Bhd